

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

SOALAN :

DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memaju dan memperkukuhkan sektor pelancongan kesihatan di Malaysia dan berapakah jumlah kemasukan pelancong kesihatan ke Negara ini sehingga suku pertama 2014 dan nyatakan pendapatan yang diperolehi melalui sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengenal pasti pelancongan kesihatan sebagai salah satu sektor penyumbang untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara. Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar untuk menarik lebih ramai pelancong kesihatan berdasarkan pelbagai faktor-faktor tarikan seperti kos perubatan yang kompetitif, pakar perubatan yang berkemahiran tinggi, sistem penjagaan kesihatan yang baik, fasiliti perubatan terkini dan kemudahan kemasukan ke negara.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) terus merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangun dan mempromosi industri ini ke arah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi penjagaan kesihatan di rantau ini, di samping meningkatkan sumbangan sektor ini kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah penjenamaan pelancongan kesihatan secara berterusan; memperluaskan aktiviti pemasaran melangkaui pasaran tradisional serta menjalankan kempen pemasaran yang berfokus, agresif dan bersegi untuk menembusi pasaran sasaran dengan lebih berkesan. Selain itu, strategi pemasaran juga akan beralih ke arah pelanggan bernilai tinggi dengan menawarkan rawatan perubatan yang khusus (*niche*), bagi meningkatkan purata pendapatan yang dijana daripada setiap pelancong kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Maklumat yang komprehensif berkaitan dengan keupayaan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perubatan di Malaysia akan disebar luas kepada masyarakat global. Pengaplikasian internet dan media sosial secara bersasar akan digiatkan sebagai media bagi mempermudah capaian maklumat. MHTC terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam industri pelancongan kesihatan bagi membangunkan produk-produk pelancongan kesihatan yang menarik dan selari dengan kehendak pelancong kesihatan.

Usaha-usaha promosi yang dijalankan telah membuahkan hasil melalui pertumbuhan pelancongan kesihatan yang menggalakkan. Bilangan pelancong kesihatan ke negara kita dalam suku pertama tahun 2014 adalah 187,897 orang dan jumlah pendapatan yang dijana adalah RM165,065,378. Usaha akan terus digiatkan lagi untuk memasarkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan yang unggul.